



TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN, MENTERI KERJA RAYA
BERSEMPENA MAJLIS HALA TUJU PROJEK
LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK.**

PADA 20 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)

**BERTEMPAT DI PEJABAT PAN BORNEO HIGHWAY,
UNIT JKR SARAWAK**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan keizinannya dapat kita semua hadir dan berkumpul di sini di Unit Lebuhraya Pan Borneo, JKR Sarawak bersempena dengan Majlis Hala Tuju Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.
2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada urusetia majlis dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang hadir dan terlibat dalam majlis pada hari yang bertuah ini.

LATAR BELAKANG PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK MENERUSI MODUL RAKAN PELAKSANA PROJEK PDP

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

3. Seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo pada asalnya dilaksanakan menerusi kaedah Project Delivery Partner (PDP) atau Rakan Pelaksana Projek oleh Kerajaan terdahulu.
4. Bagi negeri Sarawak, terdapat sebelas (11) pakej dilaksanakan sepanjang 786.41km. Projek ini telah bermula pada bulan Oktober 2015 dan dijangka siap pada 30 Jun 2021.
5. Menerusi modul PDP ini terdapat juga bayaran Yuran PDP yang ditetapkan sebanyak 5.5% daripada kos pembinaan semasa.

**PENAMATAN MODUL RAKAN PELAKSANA
PROJEK (PDP)**

6. Selepas 9 Mei 2019, Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan telah membuat keputusan untuk menamatkan kontrak PDP untuk mengurangkan implikasi kewangan negara dan menggunakan kepakaran sedia ada. Dengan itu, notis penamatan kontrak PDP bagi Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah pun diserahkan kepada syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. pada 20 September 2019 dan dikuat kuasakan pada hari ini, 20 Februari 2020.

HALA TUJU BAHARU LPB SARAWAK

7. Kementerian Kerja Raya mengambil alih sepenuhnya pelaksanaan projek ini menerusi modul konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak sebagai Pegawai Penguasa (*Superintending Officer – SO*) dan Wakil Pegawai Penguasa (*Superintending Officer Representative – SOR*).

8. JKR Sarawak akan bertanggungjawab untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan projek serta menguruskan pentadbiran kontrak.
9. Melalui kaedah konvensional ini, JKR Malaysia akan berperanan sebagai Jurutera Perunding Bebas (*Independent Consulting Engineer – ICE*) dalam memberi khidmat nasihat kepada KKR dan JKR Sarawak untuk memastikan pematuhan spesifikasi teknikal dan pengauditan berkala.
10. Menerusi penamatan perjanjian PDP ini, kerajaan dapat mengurangkan kos pembangunan projek ini daripada RM21.857 bilion kepada RM18.992 bilion. Ini bermakna jumlah penjimatan kos pembangunan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak adalah

sebanyak RM2.865 bilion. Jumlah ini mesti diambil sebagai anggaran dan hanya akan dimuktamadkan selepas penilaian penuh dilakukan

KELANGSUNGAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Dalam pelaksanaan setiap projek infrastruktur, kita perlu mengambil kira beberapa aspek penting iaitu pemantauan kualiti projek, sudut keselamatan, perjalanan projek dan penambah baikkan projek.

12. Oleh kerana itu, pembatalan model PDP bagi Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak telah mengambil kira keseluruhan konteks pelaksanaan serta memastikan kelangsungan

projek yang lancar dan memberi kesan baik kepada pelaksanaan projek itu kelak.

13. Menerusi modul Konvensional ini, sebelas 11 Kontraktor Pakej Kerja (*Work Package Contractor – WPC*) dan empat puluh (40) kontrak perunding telah dikaji semula dan dinovasi semula oleh Kerajaan berdasarkan kontrak semasa.
14. Selain itu, menerusi pelaksanaan projek oleh WPC tidak akan menjejaskan skop, aspek keselamatan dan kelangsungan projek.
15. Bagi memastikan kelangsungan projek berjalan dengan lancar dan kos yang optimum, penambahbaikan kepada struktur pelaksanaan projek adalah dengan mengekalkan khidmat kontrak perunding yang diperlukan sahaja.

16. Pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan diteruskan tanpa mengabaikan Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*) dan penyenggaraan semasa pembinaan. *Ia akan* ditambah baik melalui pemantauan secara langsung dan berterusan oleh KKR dan JKR Sarawak.

17. Menerusi penamatan kontrak PDP, Kerajaan amat perihatin akan nasib petugas yang terlibat dalam projek ini. Usaha untuk menyerap masuk kebanyakan petugas demi kesinambungan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan dilakukan. Keutamaan khususnya diberikan kepada orang tempatan.

KEBAIKAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

18. Kerajaan Persekutuan akan memastikan projek ini diteruskan demi Ke Arah Kesejahteraan Rakyat terutamanya negeri Sarawak. Antara kebaikan yang akan diperolehi adalah seperti berikut:

- a. Sebagai pemangkin pembangunan sosio ekonomi terutamanya bagi melengkapkan jajaran TransBorneo Highway di Pulau Kalimantan
- b. Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan semasa dan selepas pembinaan projek.
- c. Jaringan jalan raya yang lebih meluas membolehkan peluang ekonomi diteroka di kawasan-kawasan berpotensi.
- d. Merancakkan sektor perindustrian dan pelaburan. Jaringan laluan yang menghubungkan pusat-pusat perindustrian

seperti pelabuhan, kilang, pusat-pusat komersial di sepanjang jajarannya akan menjadi pemangkin kepada kemajuan negeri tercinta kita ini untuk membolehkan mencapai taraf Sarawak negeri yang maju dan mansang.

- e. Memberi keselesaan dan keselamatan perjalanan kepada pengguna jalan raya, menjimatkan masa dan mengurangkan kos perjalanan.

19. Disamping itu juga, Projek Lebuhraya Pan Borneo meningkatkan Pembangunan Modal Insan dengan menghasilkan tenaga kerja mahir dan secara tidak langsung membangunkan golongan professional di kalangan masyarakat tempatan Sarawak. Selain itu, projek ini juga dapat membantu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan teknologi baru menerusi

penglibatan Institusi Pengajian Tinggi, IPTS dan IPTA di negara kita.

PENUTUP

Ladies and Gentlemen:

20. My office is open to any and all enquiries, feedback or complaints regarding this project. If any member of the public who are using the Pan Borneo has any reasonable constructive criticism or feedback or complaints, please approach my office or any of my officers or even myself.

21. I give you my word that I would personally look into all reasonable and fair complaints. As a true blue Sarawakian, this project is very close to my heart as I am sure it is to all Sarawakians too. We have been waiting for a good highway to link the whole of Sarawak since independence and

finally, with Pan Borneo Highway and the Sarawak-Sabah Link Road, we will see this dream coming true before our very eyes.

22. I know and I understand that there will always be minor issues and problems during construction of a highway, so I ask the public to bear with us for the time being. But let me be clear: I will not compromise on safety. If road users detect any road safety issues along the Pan Borneo Highway, come to me immediately and tell me. I will not tolerate any slack in this matter.

23. So, ladies and gentlemen, with this I end my address on the way forward for the Pan Borneo Highway under new management. Let's move ahead, move forward and MANSANG Sarawak!

Thank you.

Have a good day.

God Bless.